



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. NORAINI BINTI AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**PROGRAM ADVOKASI KESEJAHTERAAN UNTUK WANITA @KEGANASAN RUMAH
TANGGA (AKU WANITA@KRT) NEGERI PERAK**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN GALASA CALDWELL, IPOH, PERAK | 20 OGOS 2025
(RABU) | 10.30 PAGI**

Kemas kini 5 Ogos 2025

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada pengacara majlis

SALUTASI

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdullilah, bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita sama-sama berkumpul pada pagi yang bermakna ini dalam **Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita@Keganasan Rumah tangga (Aku Wanita@KRT)** anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan **ucapan tahniah dan penghargaan kepada JPW** selaku penganjur program dan **Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Perak (PPWN)** selaku tuan rumah atas pelaksanaan program ini di **Dewan Galasa Caldwell, Ipoh, Perak**.
3. Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada lebih kurang **500 orang peserta** yang hadir meluangkan masa dan memberi sokongan kepada program ini.

4. Komitmen seperti ini yang dimahukan dalam usaha menyokong **kempen menangani keganasan terhadap wanita** dan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dari pelbagai latar belakang menunjukkan satu petanda jelas bahawa kesedaran dan keprihatinan masyarakat terhadap isu keganasan rumah tangga semakin meningkat.

(B) KES KEGANASAN RUMAH TANGGA

Hadirin yang saya muliakan,

5. Keganasan rumah tangga bukan sekadar isu peribadi atau hal rumah tangga semata-mata. Ia adalah **satu kesalahan jenayah dan pelanggaran hak asasi manusia** yang menjadi **ancaman senyap** terhadap kesejahteraan institusi keluarga.
6. Realitinya, penderaan dan keganasan dalam rumah tangga masih berleluasa dan ia berlaku dalam pelbagai bentuk, bukan sahaja secara fizikal, tetapi juga secara emosi, seksual, ekonomi dan psikologi yang boleh memberi

kesan jangka panjang terhadap mangsa, terutamanya wanita dan kanak-kanak.

7. Kebanyakan kes keganasan rumah tangga dilakukan oleh orang yang dikenali wanita tersebut seperti suami, bekas suami atau teman lelaki, dan tidak dilaporkan kerana masalah dalaman keluarga atau masalah peribadi. Terdapat juga kes di mana mangsa tidak tahu cara untuk membuat laporan kes.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Statistik yang dikeluarkan oleh **Polis Diraja Malaysia (PDRM)** menunjukkan bahawa pada **tahun 2024 sahaja, sebanyak 7,116 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan** dan sehingga **April 2025**, sebanyak **2,467 kes** telah direkodkan. Bagi **negeri Perak, kes keganasan rumah tangga bagi tahun 2024 adalah sebanyak 842** telah dilaporkan dan Perak mencatatkan bilangan kes keganasan rumah tangga kedua tertinggi pada tahun 2024, jika dilihat mengikut nisbah populasi penduduk di negeri ini, iaitu pada kadar **0.02**.

9. Bagi tahun 2025, **sehingga April 2025** kes yang dilaporkan di negeri Perak adalah sebanyak **425 kes**, berbanding 175 kes dalam tempoh yang sama pada tahun lepas. Angka ini menunjukkan peningkatan ketara dalam tempoh setahun.
10. Statistik menunjukkan mungkin ramai mangsa yang berani tampil ke hadapan untuk membuat laporan bagi mendapatkan bantuan berkaitan keganasan yang berlaku dan kesedaran masyarakat semakin meningkat terhadap

kes keganasan rumah tangga. Walau bagaimanapun program advokasi seumpama ini perlu diteruskan.

11. Terdapat juga kes di mana mangsa tidak sedar bahawa mereka adalah mangsa keganasan rumah tangga. Ini berlaku mungkin disebabkan pemikiran mangsa telah dimanipulasi sehingga mangsa merasa bingung dan meragui pemikiran dan persepsi mereka sendiri.
12. Pelaku mungkin menyalahkan mangsa atas perkara yang tidak berlaku atau memutarbelitkan fakta bagi

menimbulkan rasa tidak berdaya, sekali gus menyebabkan trauma yang mendalam kepada mangsa. Situasi ini memberi kesan jangka masa panjang terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan emosi mangsa.

(C) CABARAN PROGRAM ADVOKASI KESEJAHTERAAN UNTUK WANITA@KEGANASAN RUMAH TANGGA (AKU WANITA@KRT)

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab terhadap pembangunan wanita, keluarga dan

masyarakat, **KPWKM** **sentiasa** **komited** **dalam memperkukuhkan dasar, undang-undang serta mekanisma** dalam menyampaikan maklumat dan sokongan kepada komuniti terutamanya mangsa keganasan rumah tangga.

14. Justeru, usaha untuk meningkatkan kesedaran, memberi keyakinan dan keberanian kepada wanita untuk bersuara, serta menyediakan ruang sokongan dan pemulihan yang selamat merupakan komponen penting dalam menangani isu ini secara menyeluruh.

15. Bagi memastikan agenda Kementerian dalam memperkasakan wanita supaya bertindak dengan lebih bijak dan berani, **Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita@Keganasan Rumah Tangga** atau **Aku Wanita@KRT** diwujudkan sebagai platform strategik bagi mendekati masyarakat melalui aktiviti berimpak tinggi yang telus terhadap masyarakat dalam menangani masalah KRT bersama pemandiri.

16. Melalui program ini, isu-isu berkaitan keganasan rumah tangga akan dibincangkan secara mendalam bersama pakar dalam bidang tersebut dan juga pemandiri yang akan berkongsi kisah kebangkitan hidup mereka.
17. Selain itu, sesi intervensi psikologi yang dinamakan **“K-Chat”** juga telah diperkenalkan menerusi program ini. Sesi ini merupakan intervensi berkumpulan antara pemandiri bersama kaunselor dan fasilitator terlatih untuk membantu

peserta memahami dan menangani isu yang melanda diri akibat keganasan.

18. Pada 17 Mei 2025 yang lalu, JPW telah melaksanakan forum keganasan rumah tangga bertajuk “Ayoh Berani Lapor” di Dewan Masyarakat Papar, Sabah, yang dihadiri seramai 700 orang peserta dan seramai 12 orang peserta telah menghadiri sesi K-Chat.
19. Manakala pada 16 Julai 2025, Logo Aku Wanita@KRT dan Kit Tautan Keganasan Rumah Tangga telah diluncurkan di

dalam Program Advokasi Kesejahteraan Untuk Wanita (AKU Wanita@KRT) di Dewan Kenanga, Terengganu Equestrian Resort, Kuala Ibai, Terengganu, yang dihadiri seramai 350 orang peserta dan seramai 29 orang peserta telah menghadiri sesi K-Chat.

20. Selain daripada itu, KPWKM menerusi JPW turut giat menjalankan pelbagai program advokasi dalam isu berkait dengan kes keganasan rumah tangga. Antara program yang dilaksanakan adalah menyediakan perkhidmatan

kaunseling, melaksanakan program psikopendidikan seperti Program Meningkatkan Daya Tahan dan Psikologi Wanita (Matahari) dan Program Literasi Perundangan dan Hak Wanita (IRIS) serta Skuad Waja.

21. Oleh demikian, kami di KPWKM berharap dengan penganjuran program seumpama ini akan dapat meningkatkan kesedaran dan memberi manfaat kepada para peserta. Ini kerana perlakuan keganasan rumah tangga bukanlah isu yang hanya melibatkan wanita semata-mata, sebaliknya merupakan satu perbuatan

jenayah yang memberi kesan besar terhadap institusi sosial dan negara kita.

(D) PENUTUP

22. Ingin saya tegaskan di sini bahawa **komitmen KPWKM untuk menangani keganasan rumah tangga adalah jelas dan tidak berbelah bahagi**. Kita akan terus melaksanakan program berbentuk pencegahan, perlindungan dan pemulihan, agar tiada siapa pun tercicir daripada sistem sokongan yang wujud.

23. Adalah menjadi harapan saya supaya Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita@Keganasan Rumah Tangga atau Aku Wanita@KRT ini memberi manfaat kepada masyarakat negeri Perak dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu penganiayaan terhadap wanita dan penyaluran maklumat mengenai saluran aduan serta bantuan yang disediakan kepada mangsa keganasan rumah tangga.

24. Akhir kata, marilah kita bersama-sama mendokong usaha menangani keganasan rumah tangga dan melindungi wanita daripada segala bentuk keganasan dan penganiayaan.
25. Saya selaku **Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** akan terus berusaha untuk melaksanakan inisiatif bagi menangani kes keganasan rumah tangga dan seterusnya memartabatkan agenda pemerkasaan wanita negara.

26. Akhir kalam, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacitanya saya merasmikan **Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita@Keganasan Rumah Tangga atau Aku Wanita@KRT Negeri Perak.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB Datuk Sri Dr. Noraini binti Ahmad
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
20 Ogos 2025